

JABATAN KERJA RAYA**PERLANTIKAN KONTRAKTOR KERJA AWAM (INFRASTRUKTUR)**

(Untuk dipenuhi oleh Kontraktor Elektrik)

1.0 Syarat-Syarat Perlantikan**1.1 Perkara Am**

Sekiranya Kontraktor Elektrik tidak memenuhi syarat-syarat 1.2 dibawah, Kontraktor Elektrik dikehendaki melantik satu Kontraktor Kerja Awam (Infrastruktur) (KKAI) berkelayakan bagi kerja pemasangan pendawaian telefon dalam tendernya. Seterusnya jika tendernya berjaya dan KKAI ini dipersetujui oleh Jabatan Kerja Raya, KKAI ini hendaklah menjalankan semua pendawaian telefon ini dan juga apa-apa kerja perubahan jika ada.

1.2 KKAI Yang Dilantik mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
 - i). Kategori = CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)
 - ii). Pengkhususan= CE31 (Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam Telekomunikasi)
- b) Pendaftarannya mestilah masih dalam tempoh sah.
- c) Mestilah berpengalaman dalam bidang kerja yang berkenaan.

1.3 Berdasarkan perubahan kedudukan dalam pendaftaran KKAI dengan PKK yang mengakibatkan KKAI ini tidak layak lagi untuk menjalankan kerja ini atau perkembangan yang lain yang didapati oleh Pegawai Pengguna projek ini bawanya KKAI ini tidak sesuai lagi untuk menjalankan kerja ini ATAU kemajuan/mutu kerjanya yang didapati oleh Pegawai Pengguna projek ini tidak memuaskan, maka Pegawai Pengguna berhak menamatkan kerja KKAI ini pada bila-bila masa dan seterusnya Kontraktor Elektrik mestilah melantik KKAI yang baru untuk meneruskan kerja ini TANPA PERBEZAAN HARGA. Perlantikan KKAI ini adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengguna dan menepati syarat-syarat dalam perenggan 1.2 di atas.

1.4 Semua bahan yang digunakan untuk kerja pemasangan pendawaian hendaklah daripada jenis yang diluluskan oleh Telekom Malaysia, SIRIM, Jabatan Bomba dan Jabatan Kerja Raya.

2.0 Perakuan Kontraktor Elektrik

2.1 Saya telah membaca dan memahami Bahagian I di atas dan bersetuju mematuhi dan dengan ini melantik KKAI tersebut di bawah untuk menjalankan kerja Pemasangan Pendawaian Telefon projek ini.

Saya juga memperakurkan bahawa KKAI yang dinamakan di bawah telah diberitahu mengenai projek ini serta syarat-syarat kontrak, penentuan, lukisan-lukisan berkenaan dan beliau telah bersetuju untuk menjalankan kerja ini sekiranya tender saya diterima kelak.

- a) Nama dan Alamat/Cop Rasmi KKAI :

.....
.....
.....

- b) Salinan Sijil Pendaftaran KKAI dengan PKK disertakan. KEGAGALAN SAYA MENYERTAKAN SIJIL BOLEH MENYEBABKAN TENDER DITOLAK.

Tandatangan Kontraktor Elektrik

:

Nama Penuh

:

Cop Rasmi

:

Tarikh

: